

Publication	Sinar Harian	Section /Page No.	Bisnes / Pg. 18
Date	Tue, 7 th June 2016	Lead Article	Yes
Headline	Tube 3.0 Terus Misi Bantu Usahawan Belia		

Tube 3.0 terus misi bantu usahawan belia

■ NOR ATIEYAH YUSOFF

PROGRAM Tunas Usahawan Belia Bumiputera (Tube) 3.0 mengekalkan sasaran melahirkan 500 usahawan belia berusia 18 hingga 30 tahun.

Pengerusi SME Corp, Tan Sri Ir Mohamed Al Amin Abdul Majid berkata, program tersebut antara usaha kerajaan melonjakkan pendapatan isi rumah.

“Golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dibantu dengan mewujudkan usahawan berjaya dalam kalangan belia Bumiputera.

“Seramai 943 belia yang menyertai kumpulan pertama dan kedua program ini, hampir 99 peratus berjaya memulakan perniagaan.

“Jumlah keseluruhan nilai jualan dijana menerusi kedua kumpulan sejak Januari 2015 sehingga April 2016 mencecah RM20.78 juta,” katanya.

Kejayaan usahawan di bawah program Tube mewujudkan 1,513 peluang kerja kepada



Mohamed Al Amin (kanan) ketika pelancaran Program Tube 3.0 semasa pameran Minggu PKS 2016 peringkat Wilayah Persekutuan dan Selangor di Medan Mara.

mereka yang memerlukan.

Beliau berkata, fasa ketiga Tube turut mengekalkan format sama dilihat memberi kesan positif dan holistik.

“Dalam fasa pertama, sesi *bootcamp* dilaksanakan bagi meningkatkan ketahanan jati diri, pupuk daya tahan, disiplin dan kepimpinan kepada bakal usahawan.

“Peserta seterusnya di-dedahkan dengan pengenalan

asas perniagaan, penyediaan, pelan dan perkongsian peng-alaman bersama usahawan terdahulu,” katanya.

Menerusi fasa ketiga iaitu pelaksanaan perniagaan pula, peserta dibimbing dalam pengurusan perniagaan dengan bantuan sistem buddy daripada kaunselor perniagaan SME Corp Malaysia.

Peserta yang layak dan berjaya menamatkan Fasa

Satu dan Kedua akan diberi bantuan kewangan dalam bentuk geran bernilai RM15,000 seorang.

Penyertaan bagi Tube 3.0 itu akan dilaksanakan di 10 lokasi Kem PLKN seluruh negara.

Mereka yang berminat boleh melayari laman sesawang tube.smeCorp.gov.my bagi pendaftaran atas talian yang dibuka dari 1 hingga 15 Jun ini.